

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan sebanyak mungkin PKS yang terlibat dengan inisiatif pendigitalan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah diberi mandat untuk melaksanakan beberapa inisiatif bertujuan menggalakkan penggunaan platform e-dagang serta teknologi digital dalam operasi perniagaan khususnya oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Buat masa ini, pelaksanaan inisiatif ini masih diperingkat awal dan usaha sedang dilaksanakan bagi memastikan inisiatif-inisiatif ini memberi impak kepada sebanyak mungkin golongan PKS. Berikut adalah inisiatif PENJANA di bawah MDEC:

- a) Kempen **eDagang** untuk Usahawan Mikro dan PKS yang bertujuan untuk menggalakkan usahawan mikro dan PKS menggunakan platform dan aplikasi e-dagang untuk meluaskan pasaran mereka. Inisiatif ini dijangka akan memanfaatkan lebih 145,000 usahawan mikro dan PKS tempatan untuk mendapat bantuan dalam bentuk latihan *on-boarding* di platform e-dagang dan subsidi penjualan dan khidmat sokongan jualan. Dalam melaksanakan inisiatif ini, MDEC akan memanfaatkan maklumat PKS daripada program sedia ada seperti eUsahawan, Go-ecommerce, dan PeDAS. MDEC juga akan bekerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi pembangunan usahawan lain serta rakan-rakan e-dagang bagi memastikan golongan sasaran ini mendapat manfaat daripada program ini.
- b) **Kempen *Shop Malaysia Online*** yang merupakan kempen jualan e-dagang untuk menggalakkan pembelian dalam talian melalui pemberian baucar, diskaun dan rebat. Inisiatif ini menumpukan usaha menggalakkan dan meningkatkan jualan dalam talian untuk produk dan barangan PKS tempatan. Di samping itu, inisiatif ini turut bertujuan untuk menarik lebih banyak PKS tempatan menggunakan platform e-dagang dan menggalakkan eksport produk tempatan melalui platform e-dagang antarabangsa. Pelaksanaan inisiatif ini juga akan melibatkan kerjasama dari pelbagai Kementerian, agensi, rakan industri dan platform e-dagang tempatan dan antarabangsa.
- c) Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG) yang merupakan bantuan kewangan dan bentuk geran padanan untuk syarikat-syarikat perkhidmatan mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka dengan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual. Mekanisme pelaksanaan Geran ini juga melibatkan kerjasama institusi kewangan dan rakan industri seperti syarikat telekomunikasi dan pakar industri.